



PENGURUSAN PERUBAHAN IKLIM

Di Khazanah, kami mengakui bahawa menangani perubahan iklim adalah kritikal untuk melindungi nilai jangka panjang bagi Malaysia dan rakyat. Pada tahun 2024, kami memajukan strategi iklim mengenai pengurangan pelepasan dan ketahanan iklim berpandukan komitmen kami untuk menyokong peralihan negara kepada ekonomi rendah karbon dan mencapai Sifar Bersih menjelang 2050.

Lebih
90%

daripada jumlah pelepasan berpunca daripada Skop 3, Kategori 15 — pelepasan dibiayai daripada portfolio pelaburan — yang menggariskan kepentingan pengawasan aktif dan peruntukan modal bagi memacu perubahan.

Sifar Bersih dan Penyahkarbonan

- Mengekalkan komitmen kami terhadap Sifar Bersih menjelang 2050, merangkumi pelepasan operasi dan dibiayai
- Selesai menggaris dasar pelepasan dibiayai kami dan menetapkan sasaran interim 2030 untuk memimpin laluan ke Sifar Bersih
- Memfokus strategi penyahkarbonan kami kepada:

Pengawasan dan Penciptaan Nilai

Penglibatan bersama dengan syarikat-syarikat portfolio untuk mempercepat penyahkarbonan dengan cara yang sejajar dengan keutamaan negara.

Melabur dalam Peluang-peluang Rendah Karbon dan Peralihan

Melabur dalam aset dan penyelesaian yang menyokong ekonomi rendah karbon, mengimbangi daya maju komersial dengan jajaran iklim.



PENGURUSAN PERUBAHAN IKLIM

Operasi Neutral Karbon

- Mencapai dan mengekalkan operasi neutral karbon pada TK2024 menerusi pengurangan pelepasan, sijil tenaga boleh diperbaharui (REC) dan pengimbangan karbon disahkan, termasuk pensekuesteran Taman Tugu
- Pengimbangan dan pelepasan operasi TK2024:

Skop 1

(Kenderaan, HVAC)

134 tCO₂e — mengimbangi melalui penambahbaikan kecekapan & kredit karbon

Skop 2

(Penggunaan Elektrik)

1,571 tCO₂e — mengimbangi melalui REC

Skop 3

(Perjalanan Perniagaan dan Perjalanan Kakitangan)

1,749 tCO₂e — mengimbangi melalui kredit karbon dan pensekuesteran

Penyesuaian dan Ketahanan Iklim

Mengakui risiko material semakin meningkat ekoran daripada kesan iklim, kami memajukan inisiatif untuk memperkukuh penyesuaian dan ketahanan merentas portfolio kami:

- Menjalankan penilaian nilai berisiko iklim untuk mengenal pasti pendedahan berisiko tinggi dan memaklumkan pelbagai strategi penyesuaian sasaran
- Melibatkan syarikat-syarikat portfolio untuk:
 - Mendukung dasar-dasar pemboleh/pendorong menerusi:

► Membangunkan penilaian risiko iklim

► Penglibatan dengan pihak berkepentingan kerajaan dan serantau

► Mengintegrasikan ketahanan iklim ke dalam strategi dan rancangan perniagaan

► Penyertaan di platform seperti dialog Persidangan Pihak-pihak kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP) dan Kumpulan Pelabur Asia mengenai Perubahan Iklim (AIGCC)